

**MEMO DALAMAN**  
**JABATAN WARISAN NEGARA (ZON TENGAH)**

---

Kepada : Timb. Ketua Pengarah  
Salinan Kepada : Unit Komunikasi Korporat (UKK)  
Caw. Teknologi Maklumat  
Daripada : Jabatan Warisan Negara Zon Tengah  
Rujukan : JWN.ZTG.200-6/5/2(2)  
Tarikh : 13 Oktober 2020

Perkara : **PEMAKLUMAN PENUTUPAN SEMENTARA GALERI ARKEOLOGI  
LEMBAH LENGGONG BAGI KERJA-KERJA MENAIKTARAF  
(FASA 2)**

---

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman Tuan/Puan, Galeri Arkeologi Lembah Lenggong akan menjalankan kerja-kerja menaiktaraf (Fasa 2) bagi meningkatkan lagi keselesaan kepada pelawat pada masa akan datang serta menambah koleksi pameran.

3. Sehubungan itu, Galeri Arkeologi Lembah Lenggong akan **ditutup sementara** kepada orang awam bermula **19 Oktober 2020** bagi memberi laluan kepada kerja-kerja menaiktaraf dilaksanakan. Tempoh kerja menaiktaraf galeri mengambil masa 1 tahun dan dijangka siap pada Oktober 2021.

4. Pihak JWN Zon Tengah sedang dalam perancangan untuk membuka galeri sementara sepanjang tempoh berkenaan. Makluman mengenai pembukaan galeri sementara ini akan diumumkan kelak setelah mengenalpasti lokasi dan persediaan pameran.

Atas perhatian dan kerjasama didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*“Patah Tak Tumbuh, Hilang Tak Berganti”*

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(NOR FAIRUS NIZAM BIN JELANI)**